

26 MAR 1999

WAN AZIZAH NAFI DIPERALATKAN PAS

ALOR SETAR, 26 Mac (Bernama) -- Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail yang mengetuai Angkatan Keadilan Sosial (Adil) menafikan beliau diperalatkan PAS untuk tujuan meraih sokongan rakyat bagi parti itu.

Dalam ceramahnya pada perhimpunan yang diadakan di perkarangan Markas PAS di Batu 2, Mergong di sini malam tadi, isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu berkata soal diperalatkan tidak timbul sebaliknya apa yang terjadi adalah jalinan kerjasama di antara Adil dan PAS.

Dr Wan Azizah mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa beliau diperalatkan oleh PAS yang bersikap hipokrit apabila menolak wanita sebagai ketua tetapi dalam masa yang sama menyokong isteri bekas timbalan perdana menteri itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian semasa mengadakan lawatan dua hari ke Kedah Isnin lepas.

Dr Wan Azizah berkata Adil bukan sahaja sanggup bekerjasama dengan PAS malahan sesiapa sahaja yang memperjuangkan keadilan untuk segenap lapisan masyarakat tanpa mengira pangkat.

Perhimpunan itu dianjurkan oleh PAS dan Gerak, majlis gerakan keadilan rakyat Malaysia, yang dianggotai pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik termasuk DAP dan PAS.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dan naib presiden Adil Dr Chandra Muzaffar.

-- BERNAMA
MAN/jm RON